

D.R. 1/99

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1998

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan bilion enam ratus lima puluh sembilan juta tujuh ratus lima puluh ribu sembilan ratus enam belas ringgit (RM9,659,750,916) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi tahun 1998, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1998[Akta A1009] dan Akta Perbekalan Tambahan (1998) 1998[Akta A1033].

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1999

3. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi enam puluh juta ringgit (RM60,000,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi tahun 1999, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1999[Akta A1044].

JADUAL PERTAMA

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
B. 16	Jabatan Bomba dan Penyelamat	4,568,230
B. 20	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	3,746,400
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	206,420,560
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	9,409,450,403
B. 32	Jabatan Hasil Dalam Negeri	421,862
B. 40	Jabatan Penjara	1,641,163
B. 51	Kementerian Luar Negeri	33,502,298
	JUMLAH	<u>9,659,750,916</u>

JADUAL KEDUA

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
B. 49	Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia	60,000,000
	JUMLAH	<u>60,000,000</u>

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan untuk mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak sembilan bilion tujuh ratus sembilan belas juta tujuh ratus lima puluh ribu sembilan ratus enam belas ringgit (RM9,719,750,916) iaitu sebanyak sembilan bilion enam ratus lima puluh sembilan juta tujuh ratus lima puluh ribu sembilan ratus enam belas ringgit (RM9,659,750,916) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi tahun 1998 dan sebanyak enam puluh juta ringgit (RM60,000,000) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi tahun 1999.

[PN(U²)2130]